

Amalan Induksi Set dalam Pengajaran dan Pembelajaran Guru Prasekolah bagi disiplin Ilmu Pendidikan Islam

Teaching and Learning Preparation Practice among Islamic Education Preschool Teachers

Sofiah Mohamed^{a,*}, Kamarul Azmi Jasmi^b

^aJabatan Pendidikan Islam dan Moral, IPG Kampus Perempuan Melayu Melaka

^bAkademi Tamadun Islam, Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, Universiti Teknologi Malaysia, 81310 UTM Johor Bahru, Johor

*Corresponding author: sofiah9@live.utm.my

Article history

Received: 2020-05-02

Received in revised form: 2021-05-23

Accepted: 2021-05-25

Published online: 2021-06-30

Abstract

This study was conducted with the aim to explore the teaching and learning practice among preschool Islamic Education teachers. Eight participants from four public and four private preschools participated along the research process including interview, observation and document analysis throughout a number of teaching and learning sessions. This qualitative research had been done in the area of Johor Baharu district. Data were analysed using NVivo software version 12. The validity of the data was obtained through triangulation of different sources of data, long duration of data collection which was six months and validated by the participants of the research. Meanwhile, the reliability of the data was obtained through trial audit and experts validation based on Cohen Kappa correlation validation. From the finding, eight elements of teachers' preparation before the teaching and learning sessions were found, and they are; preparing the Annual Lesson Plan, timetable, Daily Lesson Plan, referring to module, teacher and students' classroom preparation, preparing activity, teaching aids and teachers' personality. It is a hope that this Teaching and Learning Preparation Model will be a guide for teachers and lecturers in Malaysia.

Keywords: teaching and learning, preschool, Islamic Education, qualitative research.

Abstrak

Induksi set sangat penting setiap permulaan pengajaran dan pembelajaran (PdP). Kajian kualitatif ini bertujuan meneroka amalan induksi set guru yang mengajar Pendidikan Islam bagi murid prasekolah. Seramai lapan orang guru dari empat buah prasekolah kerajaan dan empat buah prasekolah swasta di sekitar Johor Bahru dipilih secara 'pemilihan bertujuan' sebagai peserta kajian. Pemilihan peserta kajian berdasarkan kriteria yang ditetapkan, iaitu bersetuju secara sukarela untuk diperhatikan, ditemu bual serta bersetuju untuk dianalisis segala dokumen berkaitan dengan diri dan pengajaran mereka. Pemilihan juga berdasarkan persetujuan dari pihak penyelia, panel pakar pengkaji, juga kebenaran daripada pihak pentadbir prasekolah tersebut. Selain itu, guru yang dipilih adalah berdasarkan kedudukan prasekolah yang berada dalam daerah Johor Bahru sahaja serta memenuhi kategori yang ditentukan pengkaji. Seterusnya prasekolah yang dipilih adalah melaksanakan Kurikulum Standard Prasekolah Kebangsaan (KSPK) dalam pengajaran dan pembelajaran Pendidikan Islam. Pengumpulan data dilakukan secara triangulasi melalui teknik pemerhatian, temu bual dan analisis dokumen. Data dianalisis menggunakan 'Nvivo 12' telah menghasilkan tema dan sub tema. Tema tersebut seterusnya melalui proses pengesahan tema oleh lima orang pakar. Dapatkan kajian ini menunjukkan empat elemen utama dalam pelaksanaan induksi set di bilik darjah yang bersesuaian dengan murid prasekolah, iaitu menstruktur, perkaitan kognitif, mewujudkan motivasi, dan menarik perhatian dijadikan amalan para guru. Diharapkan kajian ini boleh memberi panduan dan amalan para guru khususnya guru Pendidikan Islam yang mengajar murid prasekolah.

Keywords: Induksi Set, Kualitatif, Pendidikan Islam, Prasekolah, Pengajaran dan Pembelajaran

1.0 PENGENALAN

Menurut Kementerian Pendidikan Malaysia (2017), pendidikan prasekolah bermaksud program pendidikan bagi murid yang berumur empat hingga enam tahun, tadika pula bermaksud tempat yang disediakan untuk sepuluh orang murid atau lebih. manakala tadika ertinya mana-mana tempat yang pendidikan prasekolah disediakan untuk sepuluh orang murid atau lebih. Mesyuarat Susulan Jemaah Menteri Bil. 6/2008 pada 23 Mei 2008 mencadangkan agar kurikulum peringkat prasekolah dan rendah dikonsepsikan. Oleh itu, Mesyuarat Jawatankuasa Kurikulum Pusat Bil. 3/2009 pada 2 Oktober 2009 meluluskan konsep Kurikulum Standard Prasekolah Kebangsaan (KSPK). Pada tahun 2010 KSPK dilaksanakan dan KSPK (Semakan 2017) diluluskan melalui Mesyuarat Jawatankuasa Kurikulum Kebangsaan Bil. 2/2015 pada 9 Jun 2015 dan Mesyuarat Jawatankuasa Perancangan Pendidikan kali ke-208 pada 21 September 2015 untuk pelaksanaan pada 2017.

Berdasarkan Akta Pendidikan 1996 [Akta 550], Kurikulum Prasekolah Kebangsaan (KSPK) hendaklah dilaksanakan oleh semua tadika. Reka bentuk KSPK mengandungi enam tunjang. Tunjang tersebut ialah komunikasi, perkembangan fizikal dan estetika, kemanusiaan, keterampilan diri, sains dan teknologi serta kerohanian, sikap dan nilai. Tunjang Kerohanian, Sikap dan Nilai memberi penekanan kepada bidang pembelajaran yang berfokus kepada penghayatan amalan agama, kepercayaan, sikap dan nilai. Disiplin ilmu dalam tunjang ini merangkumi Pendidikan Islam bagi murid Islam dan Pendidikan Moral bagi murid bukan beragama Islam (Kementerian Pendidikan Malaysia, 2017).

Transformasi kurikulum ini merangkumi aspek pedagogi yang menekankan kepada pendekatan pembelajaran mendalam, kontekstual dan berkesan. Kurikulum ini menekankan strategi pengajaran dan pembelajaran (PdP) yang menyeronokkan, berpusatkan kanak-kanak dan aktiviti PdP yang memerlukan mereka menyelesaikan masalah dan membuat keputusan termasuk penggunaan pusat pembelajaran (Kementerian Pendidikan Malaysia [KPM], 2017). Oleh hal yang demikian, guru prasekolah perlu bijak menyampaikan pengetahuan kepada murid. Guru mesti menumpukan kepada pembangunan diri individu atau murid secara bersepadan dan membina aktiviti dengan apa yang boleh menarik perhatian atau minat mereka (Noor Hisham Md Nawi, 2011). Atan Long (1980) menyatakan bahawa induksi set satu perkara yang rumit tetapi penting kerana penyampaian sesuatu pelajaran itu bermula dengan induksi set, samada menggunakan bahan bantu mengajar (BBM), penerangan, demostrasi atau penyoalan.

Kesedaran mengenai kepentingan pendidikan prasekolah bagi membentuk emosi, fizikal, sosial dan perkembangan kanak-kanak meluas (Nor Hashimah Hashim & Yahya Che Lah, 2007). Oleh kerana itu, guru prasekolah perlu mempunyai pengetahuan luas khususnya mengenai perkembangan kanak-kanak (Sofiah Mohamed & Kamarul Azmi Jasmi, 2016). Hal demikian kerana ciri guru yang efektif boleh dilihat dari segi kualiti peribadinya termasuk kompetensi PdP (Choong, 2009).

Tugasan utama guru di bilik darjah adalah menghasilkan perubahan tingkahlaku murid secara beransur-ansur dalam aspek akademik dan sosial. Untuk tujuan tersebut, lazimnya pengajaran dan pembelajaran (PdP) mengandungi lapan elemen yang beupaya meningkatkan dan memaksimumkan pembelajaran murid. Elemen ini juga merupakan rujukan untuk menilai keberkesanan pengajaran guru (Hunter & Russell, 1976). Elemen tersebut ialah objektif dan standard, set induksi, input, permodelan atau percontohan, penilaian, tunjukcara atau panduan pelaksanaan, amali kendiri dan penutup. Oleh kerana itu, kebijaksanaan dan kemahiran guru menarik perhatian murid untuk memberi tumpuan kepada pengajaran dan pembelajaran (PdP)

memerlukan rangsangan yang menepati khususnya di permulaan PdP (Atan Long, 1980). Langkah tersebut dinamakan set induksi yang kadang-kadang juga disebut *set anticipatori* atau “hook” (Hunter & Russell, 1976).

Induksi set adalah teknik memperkenalkan sesuatu tajuk pelajaran bagi menarik perhatian serta mendorong pelajar (Pusat Rujukan Persuratan Melayu, 2010). Menurut Shahabuddin Hashim, Rohizani Yaakub, & Mohd. Zohir Ahmad (2005) induksi set adalah kaedah atau cara guru memulakan pengajaran antara tiga hingga lima minit. Esah Sulaiman (2004); Dallat, 2013) pula menyatakan tempoh induksi set antara dua hingga lima minit berdasarkan kreativiti guru. Kamarul Azmi Jasmi & Ab. Halim Tamuri (2007) juga menyatakan bahawa induksi set adalah permulaan atau pengenalan sesuatu proses pengajaran. Sehubungan itu, Mohd Syaubari Othman & Ahmad Yunus Kassim (2016) menjelaskan set induksi amat penting kerana pada peringkat ini guru meyampaikan idea dan menanamkan ke dalam fikiran pelajar bahan-bahan pengajaran yang hendak disampaikan.

Bahagian ini paling penting untuk menarik perhatian murid agar fokus mereka berkekalan, menimbulkan minat dan perasaan ingin tahu terhadap perkara yang disampaikan guru (Bentley-Davies, 2010; Esah Sulaiman, 2004; Rosnaini Sulaiman, Maimun Aziz, & Mok Soon Sang, 2011). Kaedah penggunaan induksi set perlu ada hubungan dengan objektif PdP, pernyataan mengenai tajuk lepas, tunjukkan sesuatu berbentuk visual, beri peluang murid berfikir berbincang dengan kawan, arahan jelas dan mudah, tetapkan masa untuk dapatkan penyertaan keseluruhan murid.

Menurut Hunter & Russell (1976) terdapat pelbagai cara untuk guru melaksanakan set induksi ini. Antaranya dengan mengemukakan soalan provokatif, mengaitkan pengetahuan sedia ada atau isi pelajaran yang lepas dengan objektif PdP, gambar atau kartun, visual, grafik, peta pemikiran, cerita, dan mengejutkan dengan sesuatu atau kenyataan yang tak dijangka. Bagi Esah Sulaiman (2004) pula, induksi set boleh dilaksanakan seperti menggunakan bahan bantu mengajar (BBM), bersoal jawab, mengaitkan pengetahuan sedia ada atau isi pelajaran lepas. Terdapat juga guru menceritakan peristiwa menarik berkaitan tajuk yang akan diajar, memberi persoalan penting agar menimbulkan rasa ingin tahu agar murid bermotivasi mengikuti pelajaran seterusnya.

Kajian Hamdi Ishak, Ab Halim Tamuri, Rosadah Abdul Majid, & Safani Bari (2012) mendapati terdapat beberapa amalan induksi set dilaksanakan oleh guru, iaitu menggunakan kaedah bersoal jawab, perbincangan tajuk, mengaitkan pelajaran lepas dan memastikan murid bersedia terlebih dahulu sebagai induksi set. Selain itu penggunaan bahan maujud lebih menarik perhatian dan minat murid kerana murid lebih suka berimajinasi (Abdul Halim Masnan & Nor Mashitah Mohd Radzi, 2015). Namun begitu kajian Sofiah Mohamed & Kamarul Azmi Jasmi (2016b, 2017) guru Pendidikan Islam perlu memulakan PdP dengan pendekatan akidah, iaitu ingatan kepada Allah SWT seperti ucapan *alhamdulillah* dan bacaan *basmalah*.

2.0 METODOLOGI

Kajian ini menggunakan rekabentuk kualitatif dengan kaedah pengumpulan data melalui pemerhatian tidak turut serta, temu bual dan analisis dokumen. Kajian dijalankan di lapan buah prasekolah, iaitu empat buah terdiri daripada prasekolah kerajaan dan empat buah lagi adalah prasekolah swasta. Menurut Noriati A.Rashid, Yin, & Sharifah Fakhriah Syed Ahmad Zuraidah A. Majid (2010) berdasarkan Akta Pendidikan 1996, sekolah kerajaan adalah sekolah yang ditubuhkan dan diselenggarakan sepenuhnya oleh kerajaan, manakala sekolah swasta adalah sekolah persendirian dan pembayarannya sepenuhnya oleh pihak persendirian. Kesemua prasekolah kajian ini dipilih kerana gurunya melaksanakan kurikulum Standard Prasekolah Kebangsaan (KSPK). Tujuan

kajian ini adalah untuk meneroka amalan induksi set dalam kalangan guru prasekolah yang mengajar Pendidikan Islam (GPSPI). Oleh itu, pengkaji memilih rekabentuk ini kerana menurut Othman Lebar (2007), penyelidikan kualitatif mementingkan pembinaan penjelasan tentang fenomena sosial.

3.0 DAPATAN

Terdapat empat elemen utama semasa pelaksanaan induksi set di bilik darjah seperti jadual 1, iaitu menstruktur, perkaitan kognitif, mewujudkan motivasi dan menarik perhatian.

Jadual 1: Amalan induksi set

Amalan Induksi Set	S1	S2	S3	S4	S5	S6	S7	S8
Menstruktur-Pemberitahuan tentang tajuk	x	x	x	x	x	x	x	x
Perkaitan Kognitif	x	x	x	x	x	x	x	x
Mewujudkan motivasi	x	x	x	x	x	x	x	x
Menarik Perhatian	x	x	x	x	-	x	x	x

Guru menyusun PdP mengikut struktur iaitu dimulakan dengan pemberitahuan tajuk kepada murid. Kajian ini mendapati GPSPI melaksanakan amalan induksi set dengan pemberitahuan tentang tajuk (PM1 GPSK2:55; PM3 GPSKK1:337; PM4 GPSKK2:477; PM1 GPSIM1:60). Contohnya seperti, “Hari ni kita belajar huruf hijaiyah” (PM1 GPSK1:79).

Selain menstruktur, amalan induksi set juga ada elemen perkaitan kognitif, iaitu pengulangan tajuk lepas seperti jadual 2.

Jadual 2: Perkaitan Kognitif

Perkaitan Kognitif	S1	S2	S3	S4	S5	S6	S7	S8
Pengulangan tajuk lepas	x	x	x	x	-	x	x	-

Sebelum meneruskan PdP guru bertanya atau mengulangi tajuk lepas dengan jelas (PM1 GPSK1:111; PM3 GPSK2: 389; PM3 GPSKK1:339; PM3 GPSKK2:338; PM2 GPSTI1:247; TB2 GPSK1:414; PM1 GPSIM1:38; PM4 GPSIM2:275).

Ok. Sebelum ni kita belajar tentang rukun Islam... Ingat lagi rukun Islam ada berapa? Lima... betul lima? Rukun Islam ada berapa lima... lima? Macam tak yakin je... rukun Islam ada berapa? Lima... betul?

(TB2 GPSK1:478)

Selain pengulangan tajuk lepas, guru juga memulakan PdP dengan meminta murid membaca bacaan rutin seperti jadual 3 berikut

Jadual 3: Perkaitan Kognitif – Bacaan Rutin

Bacaan rutin	S1	S2	S3	S4	S5	S6	S7	S8
Doa	x	x	-	x	x	x	x	x
Surah Al-Fatihah	x	x	-	x	x	x	x	x
Lafaz Basmalah	x	x	-	x	x	x	x	x

Surah Al-Ikhlas	x	-	-	-	x	-	x	x
Surah Al-Nas	x	-	-	-	x	-	x	x
Surah Al-Lahab	x	-	-	-	x	-	x	x
Surah Al-Falaq	x	-	-	-	-	-	x	x
Surah Al-Nasr	x	-	-	-	-	-	x	x
Selawat	-	x	-	-	x	x	-	-
Surah Al-Kauthar	-	-	-	-	x	-	x	x
Surah Al-Kafirun	-	-	-	-	x	-	x	x
Mengucap dua kalimah syahadah	x	x	-	-	-	-	-	-
Surah Al-Fil	-	-	-	-	-	-	x	x
Surah Al-Maun	-	-	-	-	-	-	x	x
Surah Al-Masad	x	-	-	-	-	-	-	x
Surah Quraisy	-	-	-	-	-	-	x	x
Zikir	-	x	-	-	-	x	-	-
Asmaul Husna	-	-	-	-	-	-	-	x
Surah Al-Humazah	-	-	-	-	-	-	-	x
Lafaz Istiazah	-	-	-	x	-	-	-	-
Surah Al-Asr	-	-	-	-	-	-	-	x
Surah Al-Dhuha	-	-	-	-	-	x	-	-
Surah Al-Takathur	-	-	-	-	-	-	-	x

Berdasarkan jadual 3 didapati bahawa semua GPSPI memulakan PdP dengan doa, lafaz basmalah dan surah al-Fatihah. Contohnya, “*Our lesson start with surah al-Fatihah first*” (PM3 GPSIM1:314), begitu juga Murid membaca doa “*Bismillahirrahmanirrahim...*” (PM1 GPSK1:37), dan

“*Sebelum belajar*” sambil GPSKK2 mengangkat tangan dan berkata “*kita membaca doa sebelum belajar*” caranya agak berlagu

(PM1 GPSKK2:41)

Hanya GPSKK1 tidak memulakan dengan bacaan-bacaan tersebut, beliau meneruskan PdP dengan terus memulakan dengan tajuk yang diajar.

“*Ok, hari ini kita nak bela... jar sambung murid (GPSKK1 membentulkan tudung salah seorang murid)*

(PM1 GPSKK1:45)

okey rukun Islam (murid ikut rukun Islam 2x) ada berapa perkara (murid menunjukkan lima jari) lima perkara. Rukun Islam ni ada berapa perkara Izul? Ada li... ma jawab murid, ada lima perkara (guru dan murid menujukkan kelima-lima jari).

(PM2 GPSKK1:194)

Seterusnya terdapat guru yang memulakan PdP dengan meminta murid berzikir, berselawat, mengucap dua kalimah syahadah dan membaca surah-surah antaranya surah al-Ikhlas, al-Nas, al-Falak, al-Kafirun, al-Lahab dan al-Nasr. (PM1 GPSK2:36; PM1 GPSTI2:43).

Jadual 4 Mewujudkan Motivasi

Mewujudkan motivasi	S1	S2	S3	S4	S5	S6	S7	S8
Penyediaan murid	x	x	x	x	x	x	x	x
Ucapan Salam	x	x	x	x	x	x	x	x
Bacaan doa	x	x	-	x	x	x	x	x
Bertanya persediaan murid	x	x	x	x	x	x	x	x
Soal jawab	x	x	x	x	x	x	x	x

Berdasarkan jadual 4, bagi mewujudkan motivasi, dapatan kajian ini mendapati guru melaksanakan penyediaan murid, ucapan salam, bacaan doa, bertanya persediaan murid dan soal jawab antara guru dan murid.

Sebelum memulakan PdP, guru menyediakan murid dalam keadaan bersedia agar murid berminat untuk meneruskan PdP. Murid diminta duduk teratur (PM1 GPSK1:81; PM2 GPSK2:175; PM2 GPSIM2:73; PM1 GPSTI1:37; PM1 GPSTI2:32), guru membetulkan baju dan tudung murid (PM3 GPSKK1:43), murid diminta menyimpan buku (PM1 GPSKK2:37), murid berjalan mengikut garisan seperti berikut

Sampai di kelas semua murid berjalan di atas line hijau terlebih dahulu sebelum disuruh duduk oleh Auntie.

(PM1 GPSIM1:44)

Guru meletakkan papan putih beroda dan murid diminta mengangkat meja apabila kelas akan dimulakan. Murid hanya duduk di lantai dan guru duduk di kerusi kecil. Meja diatur dua memanjang dan satu lagi menegak. Dua kumpulan murid mengelilingi dua kumpulan meja.

(PM1 GPSTI2:28)

Kesemua PdP di prasekolah kajian ada mengamalkan ucapan salam. Hanya GPSK1 yang mengajar di sekolah SK1 meminta ketua kelas memberi salam diikuti murid lain (PM3 GPSK1:783). Manakala di prasekolah lain muridnya hanya menjawab salam yang diberi oleh guru mereka (PM1 GPSKK1:44; PM1 GPSKK2:41; PM1 GPSIM1:50; PM4 GPSIM2:217; PM1 GPSTI1:39; PM1 GPSTI2:36).

Kemudian GPSK2 memberi salam, “Assalamualaikum wmb” dan dijawab oleh murid “waalaikumussalam wmb”

(PM2 GPSK2:177)

GPSPI memulakan PdP dengan doa (PM1 GPSK1:32; PM1 GPSK2:30; PM3 GPSIM1:316; PM2 GPSIM2:74; PM1 GPSTI1:791). Hanya GPSKK1 dan GPSTI2 yang tidak meminta murid berdoa sebelum PdP PI.

Sebelum belajar, sambil GPSKK2 mengangkat tangan dan berkata “kita membaca doa sebelum belajar” caranya agak berlagu

PM1 GPSKK2:42)

Sebelum memulakan PdP, guru memulakan dengan bertanya terlebih dahulu persediaan murid (PM1 GPSK1:87; PM1 GPSKK1:47; PM3 GPSIM1:314; PM2 GPSIM2:79; PM1 GPSTI1:42). Contohnya seperti, “Ok dah? Dah sedia?” Dah jawab murid (PM1 GPSK2:48). “Okey ready children?” (murid tidak menjawab dan guru bertanya sekali lagi dengan suara yang lebih perlahan) “are you ready children?” (PM1 GPSTI2:55).

Hanya GPSKK2 yang tidak ada pertanyaan kepada muridnya mengenai persediaan mereka tetapi beliau hanya mendiamkan murid dengan memberi isyarat jari, apabila semua murid diam dan kelihatan bersedia, beliau memulakan PdP.

Cikgu berada di kerusi dan murid di atas tikar tapi murid bising sehingga guru terpaksa mendiamkan. Setelah semua diam baru guru memulakan P&P.

(PM3 GPSKK2:333)

Bagi menarik minat murid untuk belajar, guru juga menggunakan teknik soal-jawab sebelum menjelaskan tajuk yang akan diajar (PM1 GPSK2:53; PM2 GPSKK1:194; PM1 GPSKK2:79; PM1 GPSIM1:73; PM2 GPSIM2:87; PM4 GPSTI1:473; PM2 GPSTI2:260). Contohnya seperti berikut

Ok. Sebelum ni kita belajar tentang rukun Islam... Ingat lagi rukun Islam ada berapa? Lima... betul lima? Rukun Islam ada berapa lima... lima? Macam tak yakin je... rukun Islam ada berapa? Lima... betul?

(PM2 GPSK1:475)

Guru memberi rangsangan kepada murid dan menggunakan nasyid sebagai salah satu cara untuk menarik perhatian semasa melaksanakan induksi set. Antaranya guru menunjukkan carta jawi kepada murid (PM1 GPSK1:94; PM5 GPSK2:484). Selain itu guru juga menunjukkan gambar seperti contoh di bawah

GPSK2 menunjukkan gambar

Tengok gambar ni, orang tengah apa? orang tengah apa? Sembahyang jawab murid, orang tengah buat apa? sembahyang, kita nak belajar hari ni belajar sembah... yang jawab murid.

(PM6 GPSK2:587)

Dalam ayat tadi Allah suruh kita jaga bumi ni, supaya kita tidak membuat kerosakan, tema kita tentang alam, macam mana kita jaga alam kita, cikgu ada beberapa gambar ni, siapa nak tengok. Guru menunjukkan gambar (gambar sebesar kertas A4 yang dilaminate). Wau kata murid. Tengok gambar ni betul-betul, cantik tak? Cantik jawab murid, suka tak pemandangan indah macam ni? cantiknya pemandangan ni, bersih, segar, ada apa lagi dekat situ? Ada bunga, cantik tak, suka tak pemandangan yang indah macam ni? Suka jawab murid

(PM1 GPSTI1:70)

GPSKK2 pula meminta salah seorang murid melaungkan azan sebagai memberi rangsangan untuk murid terus belajar.

Sebelum sembahyang dengar apa dulu? Azan seorang murid menjawab... tepuk tangan... pandai... tepuk tangan... siapa yang pandai azan, siap yang boleh azan kat depan... Aiman... (tepuk tangan untuk Aiman, cikgu dan murid lain bertepuk tangan)

(PM GPSKK2:71)

GPSTI2 pula membawa sesuatu barang di dalam beg yang membuatkan murid tertanya-tanya dan sangat teruja

Anak-anak rasanya kita nak belajar apa hari ni ye, tiba-tiba cikgu Mieda masuk kelas ye (guru memegang beg yang di bawa sejak awal dan diletakkan di pehanya, murid gelak dan nampak teruja) Teacher Mieda bawa apa ni? Tak tahu jawab murid (Guru menegakkan beg dan diletakkan di dadanya dan menggoyang-goyangkan beg tersebut) Siapa nak teka apa dalam beg ni? Bukan... buku kata murid. Ye ke buku kita tengok sikit jadi Doraemon ye, guru memasukkan tangan ke dalam dan murid gelak ternuja)

(PM3 GPSTI2:447)

Kesemua guru kerap menggunakan nasyid untuk menarik perhatian murid. Samaada dengan memasang video melalui komputer (PM1 GPSK1:94; PM1 GPSK2:55) atau melalui telefon tangan (PM1 GPSK2:55) atau guru dan murid menyanyi bersama-sama (PM5 GPSIM2:279; PM1 GPSK2:55)

“Ok, hari ini kita nak bela... jar sambung murid (GPSKK1 membetulkan tudung salah seorang murid) “ha belajar, tahu tak nyanyi lagu huruf alif ba ta?” Cuba nyanyi murid pun menyanyi alif ba ta hingga akhir, “Okey ummi nak pasang, nyanyi sama-sama boleh? Boleh kata murid.

Okey, dengar, okey duduk elok-elok, lagi, kuat-kuat, (GPSKK1 juga menyanyi bersama)


(PM1 GPSKK1:49)

GPSKK2 sahaja yang tidak memulakan induksi set dengan bernasyid tetapi membaca doa seperti bernasyid.

Terus murid menyambung doa ‘Rabbisyrabli sodri... dan maknanya (dibaca dengan nada nasyid) Ya allah mudahkan amin

(PM1 GPSKK2:52)

Berdasarkan dapatan di atas, Rajah 1 adalah model Amalan Induksi Set Pendidikan Islam Guru Prasekolah



Rajah 1 Model Induksi Set Pendidikan Islam Prasekolah

4.0 ANALISIS DAN PERBINCANGAN

Dapatan kajian yang dijalankan ke atas lapan orang guru Pendidikan Islam Prasekolah menunjukkan empat elemen set induksi, iaitu menstruktur isi pelajaran, perkaitan kognitif, mewujudkan motivasi dan menarik perhatian telahpun diaplikasikan dalam pengajaran mereka. Bagi elemen menstruktur, antara cara atau aktiviti yang dilakukan ialah memberitahu tajuk pelajaran yang akan murid pelajari. Guru mementingkan pernyataan tajuk kepada murid agar membuka minda mereka kepada isi kandungan pelajaran yang lebih luas. Teknik ini bertepatan dengan pendapat Ibnu Khaldun bahawa maklumat yang disampaikan guru perlulah tersusun (Abdul Rahim Hamdan, 2011). Elemen kedua, iaitu perkaitan kognitif pula dilakukan dengan cara bertanya tentang pelajaran lepas atau mengulang tajuk yang lepas, membaca doa, basmalah, surah-surah lazim tertentu, bersolawat dan mengucap dua kalimah syahadah. PdP dimulakan dengan bacaan basmalah, doa, selawat dan membaca surah-surah pendek yang akan digunakan sebagai amalan seharian. Pelaksanaan induksi set ini menepati matlamat Pendidikan Islam. Menurut Abdul Rahim Hamdan (2011), rukun iman merupakan asas utama Pendidikan Islam. Oleh itu, dasarnya adalah keesaan Tuhan, kepercayaan kepada Rasul sebagai pesuruh Allah dan kepercayaan kepada kitab-kitabnya. Guru mengulangi tajuk lepas agar murid mengingatinya dan dapat menghubungkannya ilmu lepas dengan ilmu baru yang akan mereka perolehi. Ibnu Khaldun menegaskan bahawa ilmu yang diajar perlu mempunyai kesinambungan dan perkaitan antara satu sama lain (Abdul Rahim Hamdan, 2011). Selanjutnya bagi elemen mewujudkan motivasi kebanyakan guru menyediakan murid dalam keadaan bersedia, mengucapkan salam, membaca doa, bertanya tentang persediaan murid dan berosal jawab tentang tajuk yang akan diajar. Kajian Mohd Syaubari Othman & Ahmad Yunus Kassim (2017), induksi set menggunakan pendekatan menyoal boleh membantu murid memberi tumpuan, mengingat, mengekalkan ingatan dan mengaplikasikan dalam amalan harian. Elemen keempat, iaitu menarik perhatian, antara cara yang paling kerap digunakan ialah didik hibur, iaitu nasyid. Ada juga yang meminta murid melaungkan azan untuk merangsang murid meneruskan pembelajaran. Selain itu guru meminta murid memberi reaksi terhadap carta atau gambar yang dipaparkan atau membawa sesuatu barang yang membuatkan murid teruja untuk mengetahuinya. Dapatan ini bertepatan dengan Hamdi et al., (2012) yang menyatakan bahawa set induksi yang baik boleh menarik perhatian dan menggalakkan pembelajaran murid kepada PdP.

Dapatan di atas jelas menunjukkan bahawa set induksi merupakan satu aktiviti permulaan sesuatu proses pengajaran dan pembelajaran yang dirancang dengan sengaja oleh guru untuk

menghubungkaitkan pengalaman murid dengan objektif pembelajaran yang diingini (Aubertine, 1968). Ianya juga didefinisikan sebagai satu aktiviti pendek dan segera yang memfokuskan kepada menarik perhatian murid sebelum pembelajaran sebenar dimulakan (Hunter & Russell, 1976) dan memotivasi murid untuk terus belajar. Set induksi menggunakan pendekatan menyata boleh membantu murid memberi tumpuan, mengingat, mengekalkan ingatan dan mengaplikasikan dalam amalan harian (Mohd Syaubari & Ahmad Yunus, 2017).

5.0 KESIMPULAN

Set induksi yang baik akan dapat menarik perhatian murid kepada pelajaran, seterusnya bersedia menerima pelajaran yang baru dan menggalakkan pembelajaran murid secara optimum. Guru yang berkesan sentiasa memberi tumpuan kepada keperluan dan minat pelajar, memberi motivasi, menentukan nilai terhadap pelajaran dan mengkaji semula keberkesanan pengajarannya serta pembelajaran muridnya. Bagi guru Pendidikan Islam, memulakan pelajaran dengan ucapan salam, basmalah, membaca doa belajar, membaca surah-surah tertentu, mengucap dua kalimah syahadah dan bersolawat ke atas Nabi Muhammad S.A.W merupakan amalan yang baik yang dapat mengukuhkan akidah para pelajar jika ianya dilakukan secara sedar dan istiqamah.

Senarai Rujukan

- Abdul Halim Masnan, & Nor Mashitah Mohd Radzi. (2015). Pengetahuan Persediaan Pengajaran Guru Prasekolah Baru. *Jurnal Pendidikan Awal Kanak-Kanak Kebangsaan*, 4, 90–108.
- Abdul Rahim Hamdan. (2011). *Falsafah & Pemikiran Pendidikan* (Pertama). Johor Bahru: UTM Press.
- Atan Long. (1980). *Pedagogi: Kaedah Am Mengajar*. Kuala Lumpur: Fajar Bakti Sdn. Bhd.
- Aubertine, H. E. (1968). The set induction process and its application in teaching. *Journal of Educational Research*, 61(8), 363–367.
- Bentley-Davies, C. (2010). *How to be an Amazing Teacher*. Wales: Crown House Publishing Ltd UK.
- Choong, L. K. (2009). *Pengurusan bilik darjah dan tingkah laku : untuk Program Ijazah Sarjana Muda Perguruan*. Subang Jaya: Kumpulan Budiman.
- Dallat, J. (2013). *Set Induction and Closure : Key Teaching Skills*.
- Esah Sulaiman. (2004). *Pengenalan Pedagogi*. Skudai: Penerbit Universiti Teknologi Malaysia.
- Hamdi Ishak, Ab Halim Tamuri, Rosadah Abdul Majid, & Safani Bari. (2012). Amalan Pengajaran Guru dalam Pengajaran dan Pembelajaran Pendidikan Islam di Sekolah Kebangsaan Pendidikan Khas (Masalah Pendengaran). *Journal of Islamic and Arabic Education*, 4(2), 11–24.
- Hunter, M., & Russell, D. (1976). *Planning For Effective Instruction: Lesson Design*. Los Angeles, California: Seeds Elementary School.
- Kamarul Azmi Jasmi, & Ab. Halim Tamuri. (2007). *Pendidikan Islam : Kaedah pengajaran dan pembelajaran*. Skudai: Universiti Teknologi Malaysia.
- Kementerian Pendidikan Malaysia. (2017). *Buku Penerangan Kurikulum Standard Prasekolah Kebangsaan (Semakan 2017)*. Putrajaya.
- Mohd Syaubari Othman, & Ahmad Yunus Kassim. (2016). Keberkesanan Permulaan Pengajaran Menerusi Amalan Kemahiran Berfikir Aras Tinggi (Kbat) Di Dalam Mata Pelajaran Pendidikan Islam Sekolah Rendah Negeri Perak. *Online Journal of Islamic Education*, 4(2), 23–35.

- Mohd Syaubari Othman, & Ahmad Yunus Kassim. (2017). Pelaksanaan amalan pengajaran guru pendidikan Islam sekolah menerusi kaedah penyoalan berdasarkan Kemahiran Berfikir Aras Tinggi (KBAT). *Journal of Advanced Research in Social and Behavioral Sciences*, 1(1), 1–9.
- Noor Hisham Md Nawi. (2011). Pengajaran dan Pembelajaran; Penelitian Semula Konsep-konsep Asas Menurut Perspektif Gagasan Islamisasi Ilmu Moden. In *Kongres Pengajaran dan Pembelajaran UKM 2011*. 1–15.
- Nor Hashimah Hashim, & Yahya Che Lah. (2007). *Panduan Pendidikan Prasekolah*. Batu Caves: PTS Profesional Publishing Sdn Bhd.
- Noriati A.Rashid, Yin, B. P., & Sharifah Fakhriah Syed Ahmad Zuraidah A. Majid. (2010). *Guru dan Cabaran Semasa, , 2010, Shah Alam: Oxford Fajar Sdn. Bhd.* Shah Alam: Oxford Fajar Sdn. Bhd.
- Othman Lebar. (2007). *Penyelidikan Kualitatif Pengenalan kepada Teori dan Metod*. Tanjung Malim: Universiti Pendidikan Sultan Idris.
- Pusat Rujukan Persuratan Melayu. (2010). Induksi set. Retrieved September 15, 2015, from <http://prpm.dbp.gov.my/Search.aspx?k=induksi&d=10>
- Rosnaini Sulaiman, Maimun Aziz, & Mok Soon Sang. (2011). *Kemahiran Berfikir*. Puchong, Selangor: Penerbitan Multimedia.
- Shahabuddin Hashim, Rohizani Yaakub, & Mohd. Zohir Ahmad. (2005). *Pedagogi: Strategi dan Teknik Mengajar dengan berkesan*. Bentong, Pahang: PTS Publications & Distributors Sdn. Bhd.
- Sofiah Mohamed, & Kamarul Azmi Jasmi. (2016). Pengetahuan Guru Pendidikan Islam Prasekolah dalam Rangka Pembangunan Tamadun Ummah. *Sains Humanika, UTM Press*, 8(3), 21–28.
- Sofiah Mohamed, & Kamarul Azmi Jasmi. (2017). Penerapan Potensi Murid Dalam Pengajaran dan Pembelajaran Pendidikan Islam di Prasekolah. *Ulum Islamiyyah Journal*, 19(Special Edition), 109–128.